

Permintaan tinggi ikan air tawar

Sinar Harian 20/7/2018 m/s 24

**Belia disaran
ceburi industri
akuakultur bagi
penuhi kehendak
pasaran**

AZURA MOHAMAD

KUALA KRAI

Industri akuakultur makin berkembang pesat memberi peluang kepada orang ramai khususnya golongan muda menceburi sektor ini untuk meningkatkan pendapatan.

Pegawai Perikanan Kanan, Pejabat Perikanan Negeri Kelantan, Mohd Rafi Hasan berkata, ketika ini, kira-kira 700 penternak ikan air tawar di negeri ini tidak mampu memenuhi kehendak pasaran sebanyak 50,000 tan ikan air tawar.

"Justeru, ikan yang sering mendapat permintaan tiga seperti patin, keli dan talapia terpaksa diimport.

"Sekiranya ada yang berhasrat menyertai industri penternakan ikan, ia merupakan satu peluang cerah untuk mereka berjaya dengan permintaan tinggi di pasaran," katanya kepada *Sinar Harian* ketika melawat projek Penternakan Ikan Air Tawar Dalam Tangki di Kuala Nal bersama peserta kursus.

Turut hadir, Pengerusi Persatuan Penternak Ikan Negeri Kelantan, Maimon Awang serta ahli jawatankuasa.

Mohd Rafi berkata, Jabatan Perikanan mengalu-alukan orang ramai serta graduan untuk turut serta dalam penternakan ikan air tawar.

"Sekarang terdapat beberapa projek dikendalikan golongan siswazah yang boleh dijadikan sebagai rujukan penternak profesional.



Mohd Rafi bersama peserta kursus melawat projek ternakan ikan air tawar di Kampung Kuala Nal.

"Bagi menggalakkan orang ramai menyertai bidang penternakan, mereka diberikan bantuan latihan serta khidmat nasihat secara berterusan,

Beliau yang juga Ketua Cawangan Akuakultur Jabatan Perikanan Negeri Kelantan berkata, ketika ini purata harga borong ikan keli di pasaran ialah RM5 se-

kilogram sementara patin RM6 dan talapia RM7.

Menurutnya, ketiga-tiga jenis ikan air tawar yang mendapat permintaan tinggi di pasaran ditemak di Kota Bharu, Tumpat dan Pasir Puteh.

"Bagi memastikan ikan air tawar sentiasa mendapat tempat di hati masyarakat hari ini kita turut mengadakan promosi makan ikan air tawar.

"Tambahkan ikan laut makin berkurangan," katanya.

Katanya, bagi memastikan jabatan itu mudah memantau dan membantu penternak di negeri ini, beliau mencadangkan supaya persatuan penternak ikan digabungkan.

"Sekarang terdapat Persatuan Penternak ikan Air Tawar dan tiga Persatuan

info

Kira-kira 700 penternak ikan air tawar di negeri ini tidak mampu memenuhi kehendak pasaran sebanyak 50,000 tan ikan air tawar

Penternak Ikan Air Payau.

"Justeru saya cadangkan persatuan digabungkan bagi memudahkan kami menyalurkan maklumat kepada penternak dan memudahkan penternak menerima maklumat daripada jabatan," katanya.

Sementara itu, 26 peserta Kursus Ternakan Ikan anjuran bersama Risda dan Perikanan Malaysia dari seluruh negara dibawa melawat ke Projek Ternakan Ikan di Kampung Kuala Nal yang menggunakan kaedah baharu yang lebih selamat dan terjamin.